

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 JUNE 2016

um - 4/6/2016

Tandatangan palsu: SAMM buat laporan polis

KUALA LUMPUR 3 Jun - Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) dari empat negeri hari ini membuat laporan polis berhubung pemalsuan tandatangan sokongan terhadap memorandum Deklarasi Mahathir.

Laporan polis itu dibuat oleh wakil SAMM Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang.

Penolong Penyelaras SAMM Terengganu, Ali Azahari Ahmad berkata, laporan itu dibuat bagi mewakili kira-kira 150 ahli berdaftar SAMM Terengganu yang kesal dengan penipuan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

"Laporan polis ini dibuat kerana kita percaya ada agenda tersembunyi di sebalik pemalsuan tandatangan dalam Deklarasi Mahathir," katanya kepada pemberita di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Terengganu.

Sementara itu, di **HULU SELANGOR**, Penyelaras SAMM daerah itu, Megat Khairul Anuar Razali dalam satu laporan polis mendesak supaya pihak berkuasa mendapatkan senarai nama daripada Azharuddin Othman dan keseluruhan nama 1.2 juta rakyat Malaysia daripada sekretariat deklarasi tersebut.

Beliau yang hadir bersama beberapa aktivis membuat laporan polis pada pukul 10.44 pagi di IPD Hulu Selangor, dekat sini turut mencadangkan supaya pihak polis membuat perbandingan menerusi maklumat yang diperolehi sekali gus menentukan kesahihan seperti yang didakwa Azharuddin.

Di **SEREMBAN**, SAMM negeri turut membuat laporan polis berhubung dakwaan terdapat unsur penipuan dalam pengumpulan 1.2 juta tandatangan tersebut.

Wakilnya, Mohamad Zulhairie Dzulcaply, 27, membuat laporan tersebut di Balai Polis Daerah Seremban di Rasah pada pukul 3 petang.

Menurutnya, siasatan perlu dijalankan oleh pihak berkuasa bagi menentukan kesahihan tandatangan dikumpul.

Di **PULAU PINANG**, Penyelaras SAMM negeri, Ahmad Amrizal Tahir berkata, siasatan terperinci perlu dilakukan memandangkan semua tandatangan terbabit melibatkan kepentingan umum di negara ini.

"Kita mahu tahu sama ada benar atau tidak wujud penipuan dalam usaha mengumpulkan lebih sejuta tandatangan ini kerana melibatkan masa depan negara.

"Semua pihak terlibat terutamanya lelaki yang membuat pendedahan berhubung penipuan ini perlu dipanggil dan disiasat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pekarangan Balai Polis Bayan Baru hari ini.